

BERITA HARIAN, RABU, 27 MEI, 1981

Menteri yakin pilihan pucuk pimpinan tetap lancar

PULAU PINANG, Selasa — Menteri Pengerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata proses pemilihan pemimpin-pemimpin UMNO akan berjalan lancar kerana ini sudah menjadi tradisi parti.

Katanya: "Pemimpin-pemimpin UMNO silih berganti tetapi pertukaran berjalan dengan baik."

Datuk Mohamed menyatakan demikian semasa merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Permatang Pauh petang semalam.

Datuk Mohamed membidas keras golongan luar yang sengaja mencari isu dalam pemilihan pucuk pimpinan parti.

Bellau berkata orang luar tidak perlu campur tangan soal rumahtangga UMNO kerana UMNO dapat menyelesaikannya sendiri.

UMNO, menurutnya, dapat menyelesaikan proses pemilihan pemimpinnya mengikut tradisi yang pernah diamalkan oleh parti.

Datuk Mohamed menegaskan lagi tahun 1980an merupakan tahun yang penuh cabaran

kepada UMNO sebagai sebuah parti yang berkelibet.

Tahun 1980an juga, tegasnya, merupakan tahun cabaran kepada bangsa Melayu.

Oleh kerana itu, ujarnya, orang-orang Melayu mestilah menumpukan perhatian dalam bidang pembangunan bagi menghadapi cabaran tersebut.

Bellau berkata, bagi menjayakan tujuan itu perbincangan-perbincangan bagi meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu di bidang pembangunan ekonomi begitu penting diadakan.

Mesyuarat tersebut hanya mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti.

Sementara jawatan Timbalan dan Naib-presiden akan ditentukan oleh perwakilan UMNO Bahagian itu sendiri di Perhimpunan UMNO 26 Jun depan.